

SIRI 3/2024

# Berita PMK HARIINI

## Keusahawanan SISWA PPRENEUR PMK 2024

PMK:  
*Sambutan*  
Hari  
Kemerdekaan  
Kerjaya  
BERSAMA  
**INDUSTRI**



# Berita PMK

*Hari Ini*



eISSN : 2710-6306  
SIRI 3/2024

Mencari amalan  
menarik dan bermanfaat

Buat sambutan  
orang berkelelahan

Lancarkan merdeka  
menjadi kebhinekaan

31 Ogos

peristiwa bermakna



# JAWATANKUASA

**PENGERUSI**  
**HAMIDAH BINTI ABD LATIFF**

**NAIB PENGERUSI**  
**NORAZLINA BINTI DAUT**

**KETUA EDITOR**  
**MAHERAN BINTI MOHAMED AYUB**

1.

**WEB MASTER**  
**NOR FAZLINA BINTI MOHD AMIN**

3.

**JURUFOTO**  
**MOHD RIMEE BIN ISMAIL**

7.

**SEGMENT PENGETAHUAN**  
**EDITOR : DR.NORHANA BINTI AHAD**

**SEGMENT KALAM INSPIRATIF**  
**EDITOR : AHMAD FADLI BIN ABD HADI**

**SEGMENT PAPARAN TERKINI**  
**EDITOR : HAZIRA BINTI SALEH**


**SEGMENT PENGUMUMAN**  
**EDITOR: NURUL-FATEHA BINTI MD SANDOLLAH**

BERITA ANDA



# Isi Kandungan

- 3-4** Kesihatan Keluarga & Kerjaya  
Lensa Perspektif Islam
- 5-6** Kenali Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- 7** 10,000 Ribu Langkah
- 8-9** Program Outreach di SMK Kedawang Langkawi
- 10-11** Semangat Kerja Berpasukan JMSK
- 12** Lawatan Kunjung Hormat Politeknik Bengkalis
- 13** Literasi Maklumat
- 14** Program Santuni MADANI KSU dan KPT
- 15** PMK Staf Challenge 2024
- 16** Atlet PMK di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXI 2024



- 17-18** Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat PMK 2024
- 19** Johan Pertandingan Debat Ketua Pengarah JPPKK 2024
- 20** Lawatan Ilmiah ke Balai Cerap Al-Khawarizmi
- 21-22** Minggu JMSK 2024
- 23** PMK Futsal Tournament
- 24** Program Kolaborasi Dinamik Pemacu Kerjaya Bersama Industri
- 25** Semakan Buku Rekod Perkhidmatan
- 26** Pasukan POLYCC Negeri Melaka Berjaya Merangkul Tempat Ke-3
- 27** Perarakan Maudil Rasul 2024 Peringkat Negeri Melaka
- 20** Pengumuman

Oleh:Pn. Hjh Normala binti Salimin

Dalam Islam, menjaga keseimbangan antara kesihatan, keluarga dan kerjaya adalah sebahagian daripada tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Ketiga-tiga aspek ini sangat ditekankan dalam ajaran Islam kerana ia membawa kepada kesejahteraan dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Artikel ini akan merumuskan penulisan mengenai pentingnya kesihatan, keluarga, dan kerjaya dari sudut pandangan Islam, serta memberi panduan praktikal berdasarkan ajaran Islam untuk mencapai keseimbangan tersebut.

## KESIHATAN Amanah dari Allah

Islam menganggap tubuh badan sebagai amanah dari Allah SWT yang perlu dijaga dengan sebaik mungkin. Rasulullah SAW bersabda: "*Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah dan pada keduanya ada kebaikan.*" (HR. Muslim). Ini menunjukkan bahawa menjaga kesihatan fizikal adalah penting dalam Islam.



Kesihatan mental juga sangat ditekankan dalam Islam. Islam mengajar kita untuk menjaga ketenangan hati dan fikiran melalui ibadah seperti solat, zikir dan membaca Al-Quran. Allah SWT berfirman: "*Ingartlah, dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram.*" (Surah Ar-Ra'd, 13:28). Pengurusan stres melalui amalan-amalan ini membantu mengekalkan kesihatan mental yang baik.

## Tips Penjagaan Kesihatan menurut Islam

Pemakanan Seimbang

Aktiviti Fizikal - kekal aktif

Rehat Yang cukup

Pengurusan Stress

## KELUARGA Tiang Kebahagiaan

Keluarga adalah institusi penting dalam Islam yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang baik. Dalam kesibukan mengejar kerjaya dan pelajaran, meluangkan masa untuk keluarga adalah satu tanggungjawab yang besar.

# Tips Menjaga Hubungan Keluarga dalam Islam



**Komunikasi yang baik - Sentiasa berlemah lembut**

**Meluangkan masa berkualiti bersama keluarga**

**Sokongan emosi dan moral - Saling menyokong keluarga**

## KERJAYA Tanggungjawab dan Amanah

Dalam Islam, bekerja adalah satu ibadah jika dilakukan dengan niat yang ikhlas dan cara yang halal. Allah SWT berfirman: "Dan katakanlah: 'Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu.'" (Surah At- Taubah, 9:105). Ini menunjukkan bahawa bekerja adalah satu tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Islam mengajar kita untuk mencapai keseimbangan dalam semua aspek kehidupan, termasuk kerjaya dan kehidupan peribadi. Rasulullah SAW menunjukkan contoh teladan dalam menyeimbangkan tanggungjawab sebagai pemimpin, suami dan ayah.

## Tips Mengurus Kerjaya dalam Islam



**Niat yang betul**



**Pengurusan Masa yang baik**



**Pembangunan diri**



**Integriti dalam pekerjaan**

## PENUTUP

Kesimpulannya, Islam menekankan kepentingan menjaga keseimbangan antara kesihatan, keluarga dan kerjaya. Dengan mengikuti ajaran Islam, kita dapat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Semoga penulisan ini dapat memberi inspirasi dan panduan kepada para pelajar dan staf di Politeknik Melaka dalam usaha mencapai keseimbangan tersebut. Marilah kita sama-sama berusaha untuk menjaga amanah Allah ini dengan sebaik mungkin.



# Kenali ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

Disediakan oleh: Ahmad Fadli bin Abd Hadi

Pada tahun 1939 Aktiviti Pertahanan Awam di Malaysia telah dimulakan oleh pihak British sebagai Passive Defence yang dibentuk di bawah Emergency Regulation Enactment Chapter 41 untuk mengadakan langkah-langkah bagi menghadapi Perang Dunia Kedua. The Civil Defence Ordinance 1951 digubal secara rasmi sebagai satu undang-undang dalam sistem keselamatan Tanah Melayu.

Pada tahun 1952, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia ditubuhkan pada 24 Mac secara rasmi bagi melaksanakan peruntukan Ordinan. Pada tahun 1957 pula The Civil Defence Ordinance 1951 ditukar menjadi Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) berikutan kemerdekaan Negara.

Tahun 1958 Pertahanan Awam menjadi unsur tetap dan penting dalam sistem pertahanan Negara mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Tahun 1964 Pertahanan Awan diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Singapura berikutan konfrontasi Malaysia – Indonesia (Kertas Kabinet No. 302/314/64).

Tahun 1994 pengenalan nama ringkas JPA3 mula diguna dan diterima pakai ke seluruh Negara untuk membezakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Penerbangan Awam.

Tahun 1965 pula jumlah keanggotaan ditambah menjadi seramai 36,000 anggota dan 37 cawangan selain kelengkapan logistik terbaru pada masa itu diperolehi untuk seluruh Negara. Tahun 1993 Negara dikejutkan Tragedi Highland Towers tumbang di Hulu Kelang mula merubah Organisasi Pertahanan Awam Malaysia.



Tahun 1995 Talian Kecemasan 991 dilancarkan pada 20 Mei sebagai tanda komitmen JPAM memberikan khidmat bantuan kecemasan secara 24 jam.

Tahun 2003 Perkhidmatan Penyelamat Pantai JPAM (Baywatch) dimulakan di Batu Ferengghi, Pulau Pinang dan diikuti di Miri, Sarawak. Tahun 2004 pula Pertahanan Awam selangkah ke hadapan lagi dengan 7 menara Baywatch memulakan operasi dengan 2 di Pulau Pinang; 2 di Langkawi; 1 di Teluk Kemang, Port Dickson; 1 di Pengkalan Balak, Melaka dan 1 di Pantai Irama, Kelantan.

Pada tahun 2006 Pertahanan Awam memperkenalkan slogan baru **“Sedia, Pantas dan Berintegriti”** sebagai pemangkin menjadikan Jabatan Pertahanan Awam sebuah jabatan yang unggul. Pada tahun 2009, pengenalan nama ringkas kepada JPAM.

Pada 29 Julai 2015 JPAM telah diletakkan ke Jabatan Perdana Menteri. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim telah dipertanggungjawabkan menerajui bahagian pengurusan bencana alam. Keputusan Mesyuarat Jemaah Kabinet pada 26 Ogos secara rasminya memutuskan bahawa pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) kini mengambil alih tugas pengendalian dan pengurusan bencana dari Majlis Keselamatan Negara (MKN).

APM diwartakan pada 25 Ogos 2016 dan kuatkuasa nama APM pada 1 September 2016. JPAM diwartakan sebagai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau nama pendeknya APM. Penjenamaan semula JPAM kepada APM sejajar dengan tugas dan peranan pasukan tersebut yang kini mempunyai keanggotaan melebih satu juta sukarelawan di seluruh negara.



# 10,000 RIBU LANGKAH PMK

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

AYER KEROH, MELAKA – 5 JULAI 2024

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) Politeknik Melaka telah menganjurkan Program 10,000 Langkah Politeknik Melaka bertujuan memupuk amalan gaya hidup sihat selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat Teras 1 (Promosi Pembudayaan Hidup Sihat: Memupuk Budaya Hidup Sihat Dengan Meningkatkan Literasi Kesihatan Rakyat). Aktiviti 10,000 langkah ini merupakan aktiviti ringan dan mudah untuk dilakukan oleh semua individu. Aktiviti ini jika diamalkan secara konsisten dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, mencegah risiko penyakit darah tinggi dan strok, mengurangkan risiko penyakit diabetes dan berupaya mengurangkan tekanan.



Bagi memberkati majlis, program dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Arman bin Md. Said. Seterusnya ucapan oleh Pengarah Politeknik Melaka, En Zaidi bin Othman A.M.N dan taklimat perjalanan program oleh En. Muhammad Affendi bin Bahaudin, selaku Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan Politeknik Melaka.

Diharap program kesihatan seumpama ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang bagi memberi pendedahan kepada staf mengenai latihan kecergasan yang bersistematik disamping memupuk semangat bersukan dikalangan staf sebagai pengisian aktiviti di masa lapang dan memupuk semangat perpaduan dan harmoni dikalangan staff tanpa mengira bangsa dan kaum.



# PROGRAM OUTREACH DI SMK KEDAWANG LANGKAWI



16 Julai 2024 - Seramai 14 orang pegawai dari Ahli Mesyuarat Pengurusan Politeknik Melaka mengambil peluang untuk mengadakan Program Outreach di SMK Kedawang Langkawi yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Pn Zeyana binti Abdullah. Beberapa aktiviti telah dijalankan iaitu program motivasi, taklimat promosi kemasukan ke Polycc kepada pelajar tingkatan 4 dan permainan Algebra Game Board bersama pelajar tingkatan 5.

Program motivasi telah disampaikan oleh En Arman bin Said dan sesi taklimat promosi kemasukan ke Politeknik dan Kolej Komuniti telah disampaikan oleh Pn Nor Azah binti Mat Sout, Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar dan Pn Noorraihan binti Mohd Aini, Pegawai Kualiti PMK.





Manakala aktiviti Algebra Game Board dilaksanakan bersama pelajar tingkatan 5 diketuai oleh Pn Zawati binti Zakaria dan dibantu oleh beberapa pensyarah lain termasuk Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer iaitu Pn Hawa binti Bentong dan Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan, En Mohd Afendi bin Bahaudin. Dari pemerhatian dilihat para pelajar menunjukkan minat dan sangat seronok semasa menyertai aktiviti yang dijalankan.

Pengetua SMK Kedawang, Langkawi iaitu Tuan Haji Mohamad Radzai bin Sulaiman turut bersama-sama memberikan ucapan sebagai tanda sokongan program yang dijalankan dengan menggalakkan para pelajar untuk memberikan kerjasama sepanjang program berlangsung.

Pihak Politeknik Melaka sangat berbesar hati atas kesudian pihak sekolah kerana sudi menerima kehadiran PMK untuk berkongsi informasi agar para pelajar diberikan pendedahan mengenai Politeknik dan Kolej Komuniti.



# SEMANGAT KERJA BERPASUKAN JMSK

Oleh : Zariyah binti Abdullah

MELAKA, 23 Julai 2024 - Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Melaka telah menganjurkan satu program pembinaan pasukan (team building) di Taman Eko Rimba Selandar Melaka pada 23 Julai 2024. Semua peserta didedahkan dengan sukan memanah dan ikhtiar hidup. Aktiviti dimulakan dengan sesi memanaskan badan dan kemudian (ice breaking) yang dikendalikan oleh Sarjan Mat Radzuan.





Peserta dibahagikan kepada 3 pasukan memanah yang akan dilatih oleh Sarjan Mohd Farid. Disamping itu peserta juga di perkenalkan dengan tumbuh-tumbuhan hutan yang boleh dijadikan makanan dan minuman sebagai ikhtiar hidup. Sarjan Mohd Farid yang pernah melalui pengalaman menjalankan operasi di Lahad Datu menceritakan pengalaman ikhtiar hidup di hutan dan mengajar peserta cara menghidupkan api di hutan.



Program diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta oleh En. Nik Zaidi bin Peei dengan diiringi Ketua Jabatan JMSK, Pn. Hawa Bentong. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak Eko Rimba dan semua fasilitator yang terlibat dalam menjayakan program. Syabas dan tahniah kepada Pn. Zariyah selaku pengarah program serta semua staf JMSK atas penganjuran dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam pelaksanaan program. Semoga program ini dapat merapatkan ukhuwah dan meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga kerja JMSK





## LAWATAN KUNJUNG HORMAT POLITEKNIK NEGERI BENGKALIS

Lawatan kunjung hormat daripada Politeknik Negeri Bengkalis bagi menyantuni Pengarah Baharu Politeknik Melaka En. Zaidi bin Othman. Delegasi Politeknik Negeri Bengkalis diwakili oleh Timbalan Pengarah III Kemahasiswaan & Kerjasama Hubungan Luar bapak Akmal Indra, M.T, bapak Faisal Ananda, ST., M.T serta bapak Nurul Fahmi, S.ST.M.T.

Politeknik Bengkalis akan mengadakan program bersama Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Melaka pada 6-7 Ogos 2024.



# Literasi

## MAKLUMAT

Oleh : Ifadah binti Sharif



7 Ogos 2024 - Unit Perpustakaan Politeknik Melaka telah mengadakan bengkel literasi maklumat untuk pelajar baharu bagi Sesi 1:2024/2025. Seramai 121 pelajar baharu menyertai bengkel literasi maklumat. Pelajar diajar untuk mendaftar pangkalan data iaitu U-Pustaka, Emerald Insight dan I/EEE. Selain itu pelajar juga diajar untuk mendaftar keahlian di dalam Sistem KOHA.

Pihak JPPKK (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti) telah melanggan 2 pangkalan data iaitu Emerald Insight dan I/EEE untuk kegunaan keseluruhan warga Politeknik dan Kolej Komuniti. Untuk menjayakan bengkel ini semua staf perpustakaan terlibat dalam memberi taklimat tentang literasi maklumat

# PROGRAM SANTUNI MADANI KETUA SETIAUSAHA (KSU), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

11 Ogos 2024, Kuala Sungai Baru - Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Bahagian Sukarelawan, Jawatankuasa Muafakat dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Melaka telah menjayakan Program Santuni Madani Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 11 Ogos 2024 (Ahad) di Kuala Sungai Baru, Melaka.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan tahap kebersihan di kampung yang terlibat, menjalankan kerja gotong royong secara berkala dengan melibatkan pelbagai Institut Pengajian Awam (IPTA) dan mempromosikan kampung terlibat bagi tujuan rekreasi dan pelancongan domestik. Program ini melibatkan 4 institusi lain iaitu Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Melaka (UNIMEL) dan Universiti, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seramai 20 orang wakil sukarelawan dari setiap institusi telah bersama-sama menjayakan program gotong royong ini.



Program dimulakan dengan taklimat keselamatan dan aktiviti program oleh En Muhamad Faiz bin Jofri selaku wakil Politeknik Melaka kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pengarah PMK Encik Zaidi bin Othman turut bersama memberi sokongan dan semangat kepada sukarelawan serta bersama-sama bergotong royong walau dalam keadaan hujan. Program ini telah berjalan dengan lancar walaupun dalam keadaan hujan dan berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan





# PMK STAF CHALLENGE 2024

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MELAKA, 23 Ogos 2024 - Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah melaksanakan PMK Staf Challenge (Indoor Games) bertempat di Dewan Serbaguna Politeknik Melaka.

Program ini adalah cetusan idea dari tuan pengarah, En. Zaidi bin Othman sebagai salah satu pengisian aktiviti kepada semua staf PMK. Menerusi program ini, staf dapat menyerlahkan bakat dalam acara sukan yang dipertandingkan di samping memupuk semangat kekitaan dalam kalangan staf PMK. Pengarah PMK telah merasmikan sukan ini dengan gimik balingan dart.

Antara sukan yang dipertandingkan adalah Catur, Dart, Karom dan Sukan Tradisional (Dam Aji, Congkak dan Batu Seremban). Semoga sukan ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dengan lebih banyak acara dan penyertaan.



# Tahniah

## ATLET POLITEKNIK MELAKA DI TEMASYA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) XXI 2024

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MELAKA, 24 Ogos 2024 - Politeknik Melaka (PMK) merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua atlet yang mewakili PMK ke temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXI 2024 di Sarawak. Atlet Politeknik Melaka yang telah memenangi pingat di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXI 2024 di Sarawak ialah Nur Alysha binti Affizat dan Nik Muhammad Aqib bin Nik Hassan.



### Selamat Maju Jaya

KEPADА ATLET POLITEKNIK MELAKA KE



NUR LIYANA BINTI ISMAIL  
JKE  
SUKAN MEMANAH  
MEWAKILI SUKMA MELAKA



NIK MUHAMMAD AQIB BIN NIK HASSAN  
JP  
SUKAN BOLA SEPAK  
MEWAKILI SUKMA MELAKA



DHARMIN KUMAR A/L VISVANATHAN  
JP  
SUKAN KABBADI  
MEWAKILI SUKMA MELAKA



NUR ALYSHA BINTI AFFIZAT  
JP  
SUKAN SOFBOL  
MEWAKILI SUKMA JOHOR



NAVIN A/L ANBALAGAN  
JP  
SUKAN HOKI  
MEWAKILI SUKMA MELAKA

## TAHNIAH

KEPADА  
**NUR ALYSHA BINTI AFFIZAT**  
**JABATAN PERDAGANGAN**

PINGAT EMAS  
SOFBOL WANITA



TAHNIAH DARIPADA PENGURUSAN DAN  
SELURUH WARGA PMK



NAMA: NUR ALYSHA BINTI AFFIZAT  
SUKAN: SOFBOL  
NEGERI: JOHOR  
PINGAT: EMAS

## TAHNIAH

KEPADА  
**NIK MUHAMMAD AQIB BIN NIK HASSAN**  
**JABATAN PERDAGANGAN**

PINGAT PERAK  
BOLA SEPAK LELAKI



TAHNIAH DARIPADA PENGURUSAN DAN  
SELURUH WARGA PMK



NAMA: NIK MUHAMMAD AQIB BIN NIK HASSAN  
SUKAN: BOLA SEPAK  
NEGERI: MELAKA  
PINGAT: PERAK

# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT PMK 2024

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MALIM, MELAKA – Telah berlangsung Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Politeknik Melaka pada 29 Ogos 2024 bertempat di Politeknik Melaka (PMK). Sambutan ini diadakan bagi menerapkan nilai patriotik di kalangan warga Politeknik Melaka.

Majlis telah dimulakan dengan perarakan masuk kontinjen badan beruniform terdiri daripada Askar Wataniah, RELASIS, PISPA dan Pandu Puteri. Majlis diteruskan dengan ikrar siswa siswi PMK seterusnya diikuti dengan ucapan dan gimik perasmian oleh Lettenan Kolonel Bersekutu Pertahanan Awam, En Zaidi bin Othman, Pengarah Politeknik Melaka.



Sambutan Ambang Kemerdekaan juga turut diadakan di Balai Raya di Alor Gajah. Semangat untuk menyambut hari kemerdekaan yang ke-67 tahun ini dapat dilihat dengan keterujaan orang kampung dan warga Politeknik Melaka melakukan pelbagai acara dan sambutan yang meriah. Malah kemeriahan itu dapat dirasai dengan penglibatan semua kaum di Alor Gajah. Sambutan kemerdekaan ini bertemakan Malaysia Madani: Jiwa Merdeka yang pastinya dizahirkan oleh semua warga Malaysia. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE-67 TAHUN.



# KEMERIAHAN SAMBUTAN *Hari Kemerdekaan*



Tahniah

## JOHAN PERTANDINGAN DEBAT & PIDATO PIALA KETUA PENGARAH JPPKK 2024

Pasukan debat Politeknik Melaka (PMK) berjaya melayakkan diri ke pentas akhir Pertandingan Debat Piala Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) 2024, bertemu dengan wakil tuan rumah iaitu Politeknik Besut Terengganu. Usul yang diperdebatkan pada pusingan akhir ialah GRADUAN TVET: LULUS TIDAK BERSELAM, HILANG TIDAK BERCARI di mana, PMK menggalas tanggungjawab sebagai pembangkang.



Alhamdulillah dan syukur, PMK berjaya merangkul GELARAN JOHAN Pertandingan Debat Ketua Pengarah JPPKK 2024 edisi ke-11, dengan menewaskan wakil tuan rumah (Politeknik Besut Terengganu). Pasukan debat PMK membawa pulang trofi kemenangan Pertandingan Debat Piala Ketua Pengarah JPPKK 2024, buku tajaan ADAM dan wang tunai sebanyak RM1000. Selain daripada itu, saudari Siti Hadijah binti Nurmala juga berjaya merangkul trofi 10 pendebat terbaik keseluruhan.

# LAWATAN ILMIAH KE BALAI CERAP AL-KHAWARIZMI

## Tanjung Bidara

Oleh: Nor Suriati binti Jamaludin



TANJUNG BIDARA, 04 September 2024 – Jabatan Pengajian Am Politeknik Melaka telah menganjurkan program lawatan ilmiah ke Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara. Program lawatan ini bermula pada jam 12.30 tengahari dan berakhir pada jam 9.30 malam. Seramai 27 orang peserta telah menyertai lawatan ini. Para peserta terdiri daripada para pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan para pelajar semester lima Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang mengambil kursus MPU23052-Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam. Para pelajar diiringi oleh 6 orang pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am.

Antara objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang cerapan langit, bulan, dan bintang serta ilmu astronomi di samping mengembangkan bidang ilmu ini yang berkaitan secara langsung dengan ibadah seperti solat, puasa, dan haji seterusnya menyediakan peluang kemahiran insaniah dengan kebolehpasaran kepada graduan Politeknik Melaka. Program lawatan ini dimulai dengan sesi ceramah oleh Ustaz Muhammad Saifullah bin Dimyati mengenai fungsi dan peranan Balai Cerap Al-Khawarizmi. Kemudian diikuti pula ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Fadzli bin Mohd Razi tentang asas-asas pengendalian teleskop. Pada sebelah malam pula diadakan sesi taklimat astronomi, para pelajar diberi kesempatan untuk menggunakan teleskop untuk mencerap langit malam. Para pelajar dapat melihat Hilal iaitu anak bulan serta Planet Venus dari jauh melalui teleskop tersebut.

# PELAJAR DARI SEMUA JABATAN SERTAI MINGGU JMSK 2024

6 SEPTEMBER 2024 – Program Minggu JMSK 2024 anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah melabuh tirainya pada hari ini dalam satu Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh En. Zaidi bin Othman, Pengarah Politeknik Melaka yang dihadiri oleh 175 pelajar dan pensyarah Politeknik Melaka. Majlis yang diraikan dengan meriah ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Zeyana binti Abdullah dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Azlan bin Muhamram. Minggu JMSK merupakan salah satu program rasmi tahunan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer bagi mengeratkan silaturrahim dan ukhwah antara pensyarah dan pelajar. Melalui program ini, pembentukan sikap, nilai murni dan integriti seseorang individu dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan dinamik dapat diterapkan.





Program ini juga merupakan wadah untuk menyatupadu dan meningkatkan kerjasama sesama individu. Minggu JMSK 2024 diadakan selama empat hari bermula 3 hingga 6 September 2024. Ts. Noraihan binti Isa selaku Pengarah Program Minggu JMSK 2024 menyediakan sepuluh aktiviti, antaranya ialah Pertandingan Aktiviti Kejuruteraan, Pertandingan XPDC & Fun Games, Bengkel Pemantapan dan Pertandingan Mini Projek Sains Kejuruteraan dengan tema “SMART, DYNAMIC, OUTSTANDING”.

Antara aktiviti yang dikenangkan adalah Pertandingan Rekaan Struktur Payung Terjun Telur, Binaan Tangan Mekanikal, Pertandingan Mini Sains Kejuruteraan Kategori Rekabentuk Produk, Pembangunan Video Sains dan Poster Sains. Selain itu tidak lupa juga aktiviti santai dan ilmiah melalui Pertandingan Algebra Game Board, Wheel of Fortune dan Guess the Count. Secara keseluruhannya seramai 463 penyertaan telah menjayakan hari terbuka JMSK.



# PMK Futsal Tournament

Oleh: Nur Izzatie Husna binti Zawawi

MELAKA, 7 September 2024 – Commerce Club PMK (COMMERS) telah menganjurkan sebuah pertandingan PMK FUTSAL TOURNAMENT: RED WINGS. Program ini telah melibatkan sebanyak 12 pasukan yang terdiri daripada pelbagai jabatan.

Program ini telah berlangsung di Kompleks Sukan Batu Berendam. Sesi pendaftaran telah dilaksanakan pada jam 9:30 pagi dan perlawanan pertama telah dimulakan tepat jam 10:10 pagi. Pasukan telah berentap secara sihat di peringkat liga dan sebanyak 8 pasukan telah berjaya ke peringkat suku akhir. Di peringkat separuh akhir, menemukan pasukan, Lauk Pauk berlawan Pecundang FV dan Amamo berlawan Rambai FC.

Setelah persaingan yang sengit, dua pasukan yang berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir ialah Rambai FC dan Pecundang FC. Permainan telah dijalankan secara 7-1-7. Rambai FC berjaya menewaskan Pecundang FC dengan mata 6-3. Majlis perasmian penutup telah dilaksanakan sebaik sahaja tamat pusingan akhir. Puan Zalzalah, Ketua Program Diploma Akauntansi mewakili Ketua Jabatan Perdagangan telah merasmikan majlis penutup PMK Futsal Tournament: Red Wings dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

# PROGRAM KOLABORASI DINAMIK: PEMACU KERJAYA BERSAMA INDUSTRI

Oleh : Zariyah binti Abdullah

MELAKA, 10 September 2024 - Program "Kolaborasi Dinamik: Pemacu Kerjaya Bersama Industri" anjuran Corporate Industrial Services & Employability Centre (CISEC) Politeknik Melaka telah dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam program ini telah diadakan Majlis Menandatangani Surat Hasrat (Lol) / Nota Kerjasama (NoC) antara industri dan agensi dengan Politeknik Melaka untuk tahun 2024 yang melibatkan lima buah industri dan agensi iaitu M Electric Vehicle Sdn. Bhd, Bizbot Technology, Jcoders Sdn Bhd, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM dan Nogori Foods.

Selain itu, program pada hari ini turut diisi dengan sesi perkongsian ilmu bersama CEO@PolyCC iaitu YBhg. Dato' Rosthman bin Ibrahim dan sesi temuduga kerjaya untuk siswa siswi Politeknik Melaka. Hari Kerjaya pada kali ini melibatkan tiga buah industri iaitu Perunding Sinar Teguh Sdn. Bhd, Scientex Height Sdn. Bhd dan Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd.

Siswa siswi PMK juga turut diberi peluang untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan persediaan tempat untuk menjalani latihan industri dengan syarikat setelah mereka tamat belajar nanti melalui sesi temuduga yang diadakan. Majlis telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Melaka, En. Zaidi bin Othman. Turut hadir bersama dalam program ini ialah YBhg. Dato' Rosthman bin Ibrahim, Pengarah Urusan Grand Swiss-Belhotel Melaka serta YBrs. Encik Jamil Bakri Ketua Pegawai Eksekutif Government-Industry TVET Coordination Body (GITC).

Politeknik Melaka mengucapkan jutaan terima kasih kepada para industri yang menyokong penuh penganjuran program dan diharapkan kerjasama bersama industri terus diperkuatkan pada masa akan datang.



# SEMAK BUKU REKOD PERKHIDMATAN DAN REKOD PERIBADI

---

Oleh : Hasnah binti Hassan



MELAKA, 11 September 2024 – Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Politeknik Melaka telah menganjurkan Program Semakan Buku Rekod Perkhidmatan dan Rekod Peribadi bagi semua staf Politeknik Melaka (PMK). Program telah diadakan bermula 11 hingga 12 September 2024 bertempat di Makmal Geoteknik, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Melaka. Urusetia program terdiri daripada daripada Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan yang diketuai oleh En. Suhaizan bin Md. Sarmuji, Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan, Politekik Melaka.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada staf membuat semakan rekod di dalam Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) merujuk senarai semak yang telah disediakan oleh pihak urusetia. Ianya sangat penting bagi memastikan semua rekod perkhidmatan direkod dan dikemaskini dengan tepat. Semakan Buku Perkhidmatan ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2008 iaitu semakan Buku Perkhidmatan perlu dilaksanakan oleh setiap penjawat awam pada setiap tahun untuk memastikan maklumat pegawai telah dikemaskini.





PASUKAN BOLASEPAK POLYCC NEGERI MELAKA

## PASUKAN BOLASEPAK POLYCC NEGERI MELAKA BERJAYA MERANGKUL TEMPAT KETIGA



Pagoh, 11 September - Pasukan Bolasepak Staf POLYCC Negeri Melaka berjaya merangkul tempat ketiga dalam Kejohanan Bolasepak Piala Pengarah POLYCC Johor 2024. Kejohanan telah berlangsung di Stadium Edu Hub, Pagoh melibatkan lima pasukan jemputan iaitu Politeknik Zon Johor, Kolej Komuniti Zon Johor, Politeknik Zon Pahang, Politeknik Zon Negeri Sembilan dan POLYCC Negeri Melaka.



Pasukan POLYCC Negeri Melaka turut diberisi oleh 10 staf dari Politeknik Melaka. En Abd Halim bin Mahat dan En Mohamad Hafiz bin Saleh turut menyumbang 2 biji gol masing-masing untuk membawa Pasukan POLYCC Negeri Melaka tempat ketiga kejohanan.



# PERARAKAN MAULIDUR RASUL 2024 PERINGKAT NEGERI MELAKA



Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit, Melaka-16 September 2024. Politeknik Melaka telah menghantar kontinjen seramai 50 orang yang terdiri dari pensyarah, pelajar JPPI dan pelajar Kelab Kompang untuk menyertai perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka. Perarakan bermula dari Stadium Tun Fatimah berjalan kaki sambil berselawat menuju ke Dataran Pusat Islam Melaka. Hujan renyai-renyai tidak melemahkan semangat kontinjen untuk terus berjalan sambil berselawat. Program ini turut disertai oleh TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam Yang di-Pertua Negeri Melaka, dan YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka serta beberapa agensi kerajaan dan swasta yang lain.

PERMOHONAN KEMASUKAN  
KE POLITEKNIK MELAKA  
BAGI SESI II 2024/2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK  
MALAYSIA  
MELAKA

# Jom MASUK POLITEKNIK MELAKA

ADAKAH ANDA **CALON-CALON**  
SEPERTI BERIKUT

- Lepasan SPM
- Lulusan Sijil yang diiktiraf MQA
- Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
- Lulusan APEL

## BIDANG YANG DITAWARKAN :

- Diploma Kejuruteraan Awam
- Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
- Diploma Perakaunan
- Diploma Perniagaan Antarabangsa

KEMASUKAN KE PROGRAM DIPLOMA  
SIJIL-SIJIL KHAS KEMAHIRAN  
POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI  
SESI II 2024/2025

PERMOHONAN MELALUI

**eBORANG**  
**MYPOLYCC**

PERMOHONAN KEMASUKAN KE SESI II  
2024/2025 MELALUI :

<http://ambilan.mypolycc.edu.my>

SEMAKAN SYARAT KELAYAKAN :

<https://ambilan.mypolycc.edu.my/esemak/index.asp>

PERMOHONAN

DIBUKA  
**4 OKTOBER**  
2024

PERMOHONAN  
DITUTUP

**4 NOVEMBER**  
2024  
30 DISEMBER 2024

## CHATBOT TEJA JHEPP

AKSES 24/7 | PANTAS & MUDAH | SENTIASA BERHUBUNG



Untuk Maklumat Lanjut,  
Imbas kod QR Berikut



MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI KAMI

06 - 337 6054 / 6058

HOTLINE JHEPP PMK

( 011 - 5953 1422 )



# Zahniah

Politeknik Melaka

*telah mendapat*



PENAZIRAN AKADEMIK (PENA)





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**SUKARELAWAN SISWA**  
Student volunteers

# Tahniah

SUKARELAWAN SISWA YSS

## Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa YSS

MISI NEGERI SABAH

1 - 17 SEPTEMBER 2024



NURUL MAISARAH BINTI MAZLAN  
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM  
POLITEKNIK MELAKA



# KURSUS MATE DOMESTIK

## <500 GT OPEN



### SYARAT KELAYAKAN

- ✓ Kad pelaut
- ✓ Medical checkup
- ✓ Surat akuan perkhidmatan laut

Tarikh : 30 November - 06 Disember 2024  
Lokasi : Politeknik Melaka

- ✓ Buat Pemandu bot, Kru Kapal/Feri, Bot Rekreasi, Bot Penumpang, Kapal Tunda, Kapal Layar, Bot Nelayan, Pelabuhan dan sebagainya.
- ✓ Kursus dijalankan sepenuhnya di Politeknik Melaka

More information call us  
Ts. ABD. HALIM: 011 15002324  
JIMMY :0111 4432638

BOOK YOUR SEAT NOW



Made with PosterMyWall.com



## BAGAIMANA UNTUK ANDA MEMBUAT ADUAN, CADANGAN DAN PENGHARGAAN ??



✉ Borang Aduan

✉ E-mel : [propmk@polimelaka.edu.my](mailto:propmk@polimelaka.edu.my)

☎ Telefon : 06-3376069 Faks : 03 – 3376007

🗣 Secara bersemuka dengan Pegawai Aduan

Nak lagi mudah....IMBAS QR CODE BORANG MAKLUM BALAS ADUAN PELANGGAN PMK UNTUK MEMBERI MAKLUM BALAS. PANTAS DAN MUDAH. SEMUA DIHUNGKUNG JARI.....

